

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat ini,


- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda alergi kepada apa-apa ubat.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda sedang ambil.
- Beritahu doktor anda jika anda mempunyai apa-apa penyakit terutamanya asma dan glaukoma.
- Elakkan alkohol semasa anda sedang mengambil ubat ini kerana ubat ini akan menambahkan kesan alkohol.
- Ubat ini boleh menyebabkan sesetengah orang mengantuk atau kurang berjaga. Pastikan anda tahu bagaimana ubat ini mempengaruhi anda sebelum memandu, mengendalikan mesin, atau melakukan aktiviti-aktiviti lain yang boleh membahayakan anda jika anda mengantuk.
- Beritahu doktor anda jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil, atau sedang menyusu badan kepada anak anda.

Bagaimana cara saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.



Risalah Maklumat Untuk Pesakit



Ubat Anti-Mual Anti-Nausea Medicine

MENGENAI ubat anda

Ubat ini digunakan untuk mencegah dan merawat mual, muntah, dan pening yang berkaitan dengan mabuk perjalanan.

Ubat ini kadang-kala diberi oleh doktor untuk tujuan yang lain; sila tanya dengan doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut.

Ubat	Fungsi
Promethazine Dimenhydrinate Cyclizine Cinnarizine	Ia mengawal mekanisme keseimbangan dalam otak dan dengan ini berkesan untuk pencegahan dan rawatan mabuk perjalanan

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat ini?

Ambil ubat ini diantara 1 hingga 2 jam, atau sekurang-kurangnya 30 minit sebelum anda memulakan perjalanan. Jika dos berulang diperlukan, ubat ini boleh diambil setiap 4 hingga 6 jam. Sila tanya ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara yang betul untuk mengambil ubat anda.

Ubat ini boleh diambil dengan makanan.

Apa yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda perlu mengambil ubat ini dengan mengikut jadual waktu yang tetap dan anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah hampir sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu mengambil ubat. Jangan gandakan dos demi mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Walaupun kesan-kesan sampingan tidak kerap, ini masih boleh berlaku. Kesan-kesan sampingan ini mungkin akan hilang semasa rawatan apabila badan anda sudah menyesuaikan diri terhadap ubat ini. Bagaimanapun, periksa dengan doktor anda jika salah satu daripada kesan-kesan sampingan tersebut berlarutan atau mengganggu.

Ubat	Kesan-kesan Sampingan
Promethazine Dimenhydrinate Cyclizine Cinnarizine	Mengantuk Pening (jarang) Kekeringan pada mulut, hidung atau kerongkong

Minta nasihat doktor anda jika anda mengalami apa-apa kesan-kesan sampingan yang luar biasa apabila mengambil ubat anda.

Jika anda mengalami salah satu daripada simptom-simptom berikut, hubungi doktor anda dengan serta-merta:

- Denyutan jantung yang cepat atau tidak teratur
- Sawan
- Khayalan
- Susah bernafas atau masalah pernafasan

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak